

## Sepak Takraw subur di Kuala Selangor

OLEH NAEEM RAFFI | December 18, 2017



SHAH ALAM, 18 DIS: Sukan sepak takraw di Selangor terus diperhebat apabila **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang) dengan kerjasama Masyarakat Bola Rotan (MBR) menganjurkan program Pembangunan Sukan Sepak Takraw, pada 16 dan 17 Disember lalu.

Presiden MBR, Mohsen Amdan berkata, inisiatif itu diambil bagi menyuburkan sukan tradisi itu di segenap lapisan masyarakat sekali gus mencungkil bakat baru berpotensi untuk diketengahkan pada masa hadapan.

“Dalam suasana sukan sepak takraw negara yang kini dilanda pelbagai isu kontroversi dan prestasi pasukan negara yang merudum sehingga disisihkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) daripada acara podium, sukan tradisi ini subur menghijau di Kuala Selangor,” katanya dalam kenyataan.

Bertempat di Sport Arena Pasir Tuntung, Kuala Selangor, seramai 120 peserta dari segenap lapisan umur diberi peluang mempamerkan kebolehan dalam sukan tradisi itu.



Edisi kali ini melibatkan 12 regu Bawah 12 tahun, tujuh regu Bawah 17 tahun dan 16 regu kategori Terbuka.

“Antara yang menarik bagi edisi kali ini ialah kategori Terbuka dikenakan syarat setiap regu perlu menyenaraikan seorang peserta veteran berumur 45 tahun ke atas.

“Langkah ini berjaya ‘menarik keluar’ pemain veteran yang masih aktif di daerah ini dan memberi saingan sengit dalam kategori dipertandingkan,” katanya.

Bagi kategori Terbuka, regu To’ Mon muncul juara dalam persaingan sengit menundukkan GETPA dengan mata 30 – 29.